



Premis memproses padi disyaki curi air diserbu

NILAI - Suruhanjaya Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu sebuah premis memproses padi di sini kerana disyaki membuat penyambungan air secara haram.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Sains, Norzita Ismail berkata, serbuan yang dilakukan pada minggu lalu itu mendapati penghuni premis melakukan penyambungan tidak sah menggunakan 'Nipple' jenis Galvanised Iron (GI) bersaiz 21mm tanpa melalui sebarang meter.

Menurut beliau, bekalan air yang didapati daripada sambungan tidak sah itu dikenal pasti digunakan untuk kegunaan harian penghuni premis tersebut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 89(9) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006.

"Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM50,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan kepada Sinar Harian pada Selasa.



Norzita berkata, ujian klorin yang dilakukan di lokasi berkenaan turut terbukti bekalan air yang digunakan adalah air terawat milik SAINS.

"Pihak SPAN telah menyita semua pemasangan dan punca sambungan yang dibuat sebagai bahan bukti dan mengeluarkan notis makluman kesalahan kepada penghuni premis berkenaan," katanya.

Beliau berkata, SAINS akan terus mempertingkatkan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kegiatan curi air di seluruh Negeri Sembilan tanpa mengira kes yang melibatkan pengguna komersil mahupun domestik.



14 Julai 2021
Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menyerbu sebuah premis memproses padi di Nilai disyaki membuat penyambungan air secara haram.

工厂涉偷水 遭SPAN取缔查办

2021年7月14日 343点阅
(芙蓉14日讯) 汝来一间稻米处理工厂涉及非法偷水，遭执法单位取缔。

森州水务公司发文告指出，该单位在本月8日连同国家水务委员会 (SPAN) 展开取缔行动，检查一间怀疑涉及非法偷水的工厂。



汝来一间稻米处理工厂被发现涉及非法偷水，已遭执法单位取缔。

文告指出，取缔行动于上午11时，在汝来一间稻米处理工厂进行，执法人员发现工厂负责人非法接驳水管，作为工厂日常运作用途。

文告指出，有关行为抵触2006年水供服务工业法令第89(9)条文，一旦罪成，可面对最高5万令吉罚款或监禁不超过6个月或两者兼施。



执法人员在工厂内发现非法接驳水源的水管。

文告指出，执法人员现场进行氯测试后，发现非法接驳的水源来自水务公司，执法单位向有关工厂发出通告并充公非法接驳水管及用具，取缔行动在下午1时结束。

文告指出，不管是涉及商业或住单位，执法单位会继续关注州内非法偷水情况，以减少无收益水 (NRW) 指数。

文告指出，民众若发现任何情报，可拨打热线 (1-800-88-6982)，提供情报者身分会保密。

